



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 12 Januari 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kerajaan terus tangani isu beban sara hidup

Oleh HANAFI ZULKEFLI
hanafi.zulkefli@mediamulia.com.my

BANGI: Isu kos sara hidup yang dihadapi rakyat dan komitmen mempermudah urusan peniagaan menjadi agenda penting yang dibincang sepanjang Program Pemukiman Kerajaan Madani 2026.

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil berkata, ini selepas pelbagai usaha dan pendekatan dilaksanakan sepanjang tempoh 38 bulan menerajui kerajaan mula menampilkan hasil.

"Keutamaan adalah untuk pastikan bukan hanya ekonomi negara terus berada di landasan betul, isu dihadapi rakyat, terutama sama ada kos sara hidup ataupun mudah untuk melakukan aktiviti-aktiviti perniagaan, ini menjadi satu keutamaan.

"Hasilnya daripada kestabilan (politik) yang kita peroleh sepanjang 38 bulan kerajaan Madani mentadbir, benar-benar membuahkan hasil.

"Kita lihat pada hari ini, ringgit berada pada kedudukan yang sangat kuat. Kita tahu pelaburan meningkat, pengangguran pula berada pada kadar paling rendah dalam tempoh 14 tahun," katanya dalam sidang akhbar selepas Program Permukiman Kerajaan Madani 2026 di sini, semalam.



Keutamaan adalah untuk pastikan bukan hanya ekonomi negara terus berada di landasan betul, isu dihadapi rakyat, terutama sama ada kos sara hidup ataupun mudah untuk melakukan aktiviti-aktiviti perniagaan, ini menjadi satu keutamaan."

FAHMI FADZIL



Program sehari itu dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta menteri-menteri Kabinet.

Turut hadir dalam permukiman itu, Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg; Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri Kerajaan Perpaduan kecuali Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Mengulas lanjut, permukiman semalam turut melihat pelbagai indikator yang membuktikan bahawa negara kini berada pada landasan yang betul dan tepat.

"Kita juga ada sentuh mengenai keperluan untuk pastikan banyak hasil daripada dasar yang memungkinkan ekonomi bertambah baik ini, akhirnya dapat diterima menjadi satu kebaikan dan dimanfaatkan oleh rakyat, (kemudian) dipulangkan kepada rakyat," katanya.

Fahmi berkata, Perdana Menteri turut mengamanahkan hasil perbincangan berkenaan diterjemahkan kepada siri program pelaksanaan dalam masa terdekat bagi memberi manfaat nyata kepada rakyat di seluruh negara secara berperingkat dan berfokus.

"Beliau berkata tumpuan

kerajaan memastikan dividen kestabilan ekonomi diterjemahkan kepada hasil dengan petunjuk positif termasuk pelaburan meningkat, pengangguran rendah dan nilai ringgit mengukuh beransur kukuh," katanya.

Berkenaan isu tender perolehan Tentera Darat, Fahmi berkata, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin akan menjawab isu tersebut hari ini.

"Saya tidak akan mengulas berkenaan perkara tersebut kerana esok (hari ini) Menteri Pertahanan sendiri akan mengulas berkenaan perkara itu," katanya

Kos hidup, permudah urusan perniagaan jadi agenda utama

Bangi: Isu kos sara hidup dihadapi rakyat serta komitmen mempermudah urusan menjalan perniagaan adalah antara agenda utama diperhalusi serta menjadi keutamaan dibincang sepanjang Program Permukiman Kerajaan MADANI 2026 semalam.

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil, berkata pelbagai usaha dan pendekatan dilaksanakan kerajaan sepanjang tempoh 38 bulan menerajui kerajaan, mula menampakkan hasilnya.

"Keutamaan adalah untuk pastikan bukan hanya ekonomi negara terus berada di landasan betul, isu dihadapi rakyat, terutama sama ada kos sara hidup ataupun mudah untuk melakukan aktiviti perniagaan, ini menjadi satu keutamaan.

"Hasilnya daripada kestabilan (politik) yang kita peroleh sepanjang 38 bulan kerajaan MADANI mentadbir, benar-benar membuahkan hasil.

"Kita lihat pada hari ini, ringgit berada pada kedudukan yang sangat kuat. Kita tahu pelaburan meningkat, pengangguran pula berada pada kadar paling rendah dalam tempoh 14 tahun," katanya pada sidang media selepas Program Pemukiman Kerajaan MADANI 2026 di sini, semalam.

Program sehari itu dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta menteri-menteri Kabinet.

Turut sama hadir dalam pemukiman itu, Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Openg; Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri Kerajaan Perpaduan, kecuali Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Fahmi berkata permukiman turut melihat pelbagai indikator yang membuktikan bahawa negara kini berada pada landasan yang betul dan tepat.

"Kita juga ada sentuh mengenai keperluan untuk pastikan banyak hasil daripada dasar yang memungkinkan ekonomi bertambah baik ini, akhirnya dapat diterima menjadi satu kebaikan dan dimanfaatkan oleh rakyat, (kemudian) dipulangkan kepada rakyat," katanya.

Dalam pada itu, Fahmi berkata, Perdana Menteri meminta hasil perbincangan dari permukiman semalam diterjemahkan menjadi siri program yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

"(Namun bentuk program itu) belum boleh diumumkan, perlu ada sedikit penelitian dan akan disebut bila sudah menerima persetujuan dalam Jemaah Menteri

"(Namun) ini memberi keyakinan kepada Jemaah Menteri bahawa hala tuju bagi kerajaan dalam tempoh berbaki kurang dua tahun ini sangat jelas, sangat fokus dan akan mengutamakan hasil untuk rakyat," katanya.



Fahmi pada sidang media selepas Program Pemukiman Kerajaan MADANI 2026, di Bangi, semalam. (Foto BERNAMA)

Ibadat & Fadilat

Abu Sa'id RA berkata: Dulu Rasulullah SAW biasa membaca doa untuk menolak gangguan jin dan manusia; namun setelah surah al-Falaq dan an-Naas turun, maka Baginda membaca kedua-dua surah berkenaan untuk menolak gangguan itu dan meninggalkan doa lain." (HR Nasai)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:21	1:29	4:50	7:22	8:36
Alor Setar	6:20	1:29	4:50	7:22	8:36
P. Pinang	6:19	1:29	4:51	7:23	8:37
Ipoh	6:15	1:27	4:49	7:22	8:36
Kuala Lumpur	6:12	1:24	4:47	7:22	8:36
Shah Alam	6:12	1:24	4:47	7:22	8:36
Johor Bahru	6:00	1:16	4:39	7:15	8:29
Kuantan	6:05	1:19	4:41	7:16	8:30
Seremban	6:09	1:23	4:46	7:21	8:35
Bandar Melaka	6:07	1:22	4:45	7:21	8:35
Kota Bharu	6:13	1:22	4:43	7:15	8:24
K. Terengganu	6:08	1:18	4:40	7:12	8:26
Kota Kinabalu	5:16	12:26	3:47	6:19	7:33
Kuching	5:35	12:51	4:14	6:50	8:04



PPM RAMPAS RM1.57 JUTA BARANG

Oleh Hamzah Sanudin

SANDAKAN: Pasukan Polis Marin (PPM) merampas pelbagai barangan bernilai RM1.57 juta selepas membongkar aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi dipercayai untuk pasaran luar negara dalam satu operasi di Batu 1/2, di sini, pada Jumaat.

Seruan kira-kira jam 12.35 tengah hari itu dijalankan menerusi Op Taring Landai Khas Kontraban/Operasi Bersepadu Inter Agensi hasil maklumat risikan Unit Risikan Marin Sandakan.

Pemangku Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Superintendan Jaffri Bidin berkata, pemeriksaan ke atas sebuah gudang mendapati wujud aktiviti yang mencurigakan.

Katanya, siasatan lanjut mendapati berlaku kegiatan pembungkusan semula minyak masak bersubsidi kepada minyak masak

● Operasi bongkar aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi dipercayai untuk pasaran luar negara

eksport tanpa permit sah, dipercayai untuk diseleweng ke pasaran luar negara.

“Operasi ini membabitkan sebuah lori kotak dan dua lori tangki, selain penemuan ratusan kotak minyak masak di lokasi kejadian.

“Seorang lelaki warga Pakistan yang berada di gudang berkenaan turut ditahan selepas gagal mengemukakan dokumen kebenaran daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, rampasan itu melibatkan 926 kotak minyak masak pelbagai jenama, selain dua lori tangki serta sebuah lori, dengan anggaran nilai keseluruhan RM1,576,402.

Menurutnya, semua rampasan dibawa ke Markas Operasi PPM Sandakan untuk siasatan lanjut dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Dalam pada itu, Jaffri menegaskan PPM Wilayah Empat Sabah akan terus memperkuatkan operasi penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti penyeludupan dan penyelewengan barangan bersubsidi.

Beliau turut menyeru orang ramai supaya terus menyalurkan maklumat dan bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam usaha mengekang jenayah kontraband demi keselamatan serta kesejahteraan negara.



SERBU: Anggota PPM menjalankan serbuan ke atas sebuah gudang di Sandakan yang dipercayai menjalankan aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 12 JANUARI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
12-Jan	34 premis di Selangor terima notis Ops Kesan 5.0	https://www.kosmo.com.my/2026/01/09/34-premis-di-selangor-terima-notis-ops-kesan-5-0/	KOSMO
12-Jan	KPDN tegur peniaga festival makanan isu tanda harga	https://www.sinarharian.com.my/article/763372/berita/semasa/kpdn-tegur-peniaga-festival-makanan-isu-tanda	SINAR HARIAN
12-Jan	PPM rampas lebih 95,000 liter petrol dan diesel dalam serbuan di Pitas	https://www.utusanborneo.com.my/2026/01/09/ppm-rampas-lebih-95000-liter-petrol-dan-diesel-dalam-serbuan-di	UTUSAN BORNEO
12-Jan	BKJ 2026, PJRM melegakan sementara, tidak selesai masalah asas rakyat	https://malaysiagazette.com/2026/01/11/bkj-2026-pjrm-melegakan-sementara-tidak-selesai	MALAYSIA GAZETTE
12-Jan	KPDN Labuan catat nilai rampasan lebih RM263,000 sepanjang tahun 2025	https://sabahmedia.com/2026/01/11/kpdn-labuan-catat-nilai-rampasan-lebih-rm263000-sepanjang	SABAH MEDIA
12-Jan	Petrol without permit: Two foreigners jailed in Tawau	https://www.dailyexpress.com.my/news/273716/petrol-without-permit-two-foreigners-jailed-in-tawau/	DAILY EXPRESS